

Rakyat selatan Filipina lari dari serangan t

Pelarian perang: 1

BH 22 SEP 2000

Oleh Norbakti Alias, Zulkofli Jamaludin,
Fazli Abdullah dan Lokman Zainal Abidin

SHAH ALAM, Khamis – Rakyat Filipina yang melarikan diri ke negara ini untuk mengelak serangan tentera di selatan negara itu, akan dianggap sebagai pelarian perang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, mereka akan ditempatkan di kawasan khusus dan dilarang keluar, kecuali jika sanggup balik ke Filipina.

"Kita tidak boleh terima mereka. Kalau dia datang juga, kita layan seperti orang Vietnam dulu," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Mengenai Peranan Media di Negara-Negara Berkecuali di sini, hari ini.

Dr Mahathir menegaskan demikian ketika diminta mengulas mengenai kemungkinan rakyat Filipina melarikan diri ke Malaysia berikutan serangan besar-besaran tentera negara itu bagi membebaskan 22 tebusan, termasuk tiga rakyat Malaysia yang ditahan kumpulan Abu Sayyaf di Jolo.

Berikutan serangan yang sudah berlaniutan selama enam hari it, ramai penduduk tempatan dilaporkan meninggalkan kampung halaman bagi menyelamatkan diri.

Pada pertengahan 70-an dulu, kebanyakan 800,000 pelarian Vietnam akibat peperangan di negara itu memaksa kerajaan menempatkan mereka di Pulau Bidong, Terengganu.

Kerajaan turut mengadakan kern transit di Sungai Besi bagi menempatkan pelarian sementara menunggu dihantar ke negara ketiga atau pulang ke negara asal.

Kern pelarian di Pulau Bidong kemudian ditutup pada 1991 manakala Kern Transit ditutup pada 1995. Pembiayaan

“
Kalau dia datang juga, kita layan seperti orang Vietnam dulu.
”

– Dr Mahathir Mohamad

kern itu ditanggung oleh Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Orang Pelarian (UNHCR).

Dalam perkembangan sama, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, mengarahkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang ditempatkan di pulau sekitar perairan Sabah, mematahkan sebarang cubaan pelarian Filipina untuk mendarat di pantai Malaysia.

"Kita akan hantar balik... kalau mereka pecah bot, mereka akan ditempatkan di satu tempat sementara sebelum dihantar balik," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan syarahan di Maktab Pertahanan Angkatan Tentera, Kuala Lumpur.

Najib berkata, Malaysia boleh memberi bantuan kemanusiaan, tetapi ia tidak boleh ditafsirkan sebagai menggalakkan pelarian datang.

Ditanya sama ada Malaysia akan berbincang dengan UNHCR, Najib berkata buat m&a ini tidak perlu kerana belum ada tanda-tanda keadaan di selatan Filipina mencetuskan pelarian.

Najib juga berkata, ATM dalam proses menghantar anggota tambahan ke semua pulau di perairan Sabah, selain 138 pegawai dan anggotanya yang sudah ditempatkan di lapangan di negeri itu sekarang.

LIHAT MUKA 2

Polis awasi 17 pulau perairan Sabah

DARI MUKA 1 BH 22 SEP 2000

ATM turut menggunakan empat pesawat Hawk yang berpangkalan di Labuan untuk membuat pemantauan udara dan kapal laut untuk melakukan rondaan di perairan. Turut digunakan sebuah helikopter Nuri dari pangkalan di Tawau.

Najib mengakui kemudahan asas, seperti tempat tinggal dan bekalan air, akan menjadi masalah utama sekiranya ATM menempatkan anggotanya di sesetengah pulau itu.

"Perkara logistik seperti itu perlu diambil kira kerana ada pulau itu tiada bekalan air. Bagaimanapun, kesulitan itu tidak akan menghalang kita daripada menempatkan anggota," katanya.

Sementara itu, Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, Datuk Abdul Hamid Mustapha, berkata polis menempatkan anggotanya di 17 pulau di perairan Sabah.

Seramai 420 pegawai dan anggota, kebanyakannya daripada Pasukan Gerakan Am (PGA), ditempatkan di pulau itu. Sebelum ini, hanya 11 pulau diduduki polis dengan kekuatan kira-kira 380 anggota.

Abdul Hamid yang pulang dari Sabah semalam, ketika dihubungi hari ini berkata, polis akan menilai dari semasa ke semasa sama ada akan me-

nambah atau mengurangkan kekuatan anggotanya di pulau berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, setakat ini polis belum mengesan sebarang percubaan anggota kumpulan Abu Sayyaf atau rakyat Filipina memasuki Malaysia berikutan serangan tentera negara itu di Jolo.

Di SEMPORNA, wartawan *Berita Harian*, Shamsul Kamal Amarudin yang meninjau Pulau Bodgaya, mendapati pasukan tentera yang ditempatkan di situ dilengkapi pelbagai peralatan, termasuk senjata ringan dan bantuan, kemudahan komunikasi dan teropong malam.

Pasukan itu, dari Kern Kuku-san, Tawau, juga sentiasa berhubung dengan pasukan polis marin serta Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang meronda di sekitar perairan berhampiran dan pangkalan PGA serta pejabat Taman-taman Sabah di Pulau Boheydulang.

Pulau Bodgaya dan Boheydulang terletak berhampiran dan perjalanan menaiki bot ke kedua-dua pulau berkenaan dari Semporna mengambil masa kira-kira 50 minit.

Sarjan Karim Abas yang mengetuai pasukan itu, berkata ketua kampung di pulau itu yang dihuni kira-kira 500 orang, diminta melaporkan pergerakan pihak tertentu yang mencurigakan.

140 perwakilan tentukan peneraju

BH 22 SEP 2000

Wawancara dengan Tengku Arif Bendahara Pahang

BH: Ini kali kedua Tengku menawarkan diri bertanding jawatan presiden. Kenapa Tengku menawarkan diri pada pemilihan ini?

TAB: Sebelum ini saya tidak berminat sangat kerana belum tahu sokongan bekas tentera. Bagaimanapun, saya lihat dalam dua tiga bulan ini, semacam ada masalah dalam persatuan. Selain itu, semakin ramai bekas tentera yang meminta saya bertanding. Tambahan lagi, saya baru melepaskan jawatan Komander 505 Askar Wataniah Pahang.

BH: Tengku mengatakan ada masalah dalam persatuan. Apakah masalah itu?

TAB: Untuk mengatakan ada masalah kurang tepat. Memang tidak dinafikan sedikit sebanyak persatuan sudah berjalan lancar, tetapi kita tidak cukup agresif untuk bergerak ke depan. Kita sudah memasuki alaf baru tetapi tidak seimbang dengan pembangunan kerajaan. Meskipun kerajaan mengambil berat ke atas persatuan, tetapi kita jangan terima sahaja...kita perlukreatif untuk bergerak maju agar orang menghormati kita di masa depan.

BH: Ada dakwaan kononnya Tengku menawarkan diri kerana didesak segelintir pihak berkepentingan?

TAB: Sebenarnya tiada desakan. Saya beri contoh kalau mahu mengeluarkan filem, kita mesti ada pengarah, skrip dan pelakon lelaki serta wanita. Kalau saya sendiri yang menjadi aktor, tak lakulah filem. Begitu juga kalau mahu bertanding, kita mesti ada sistem. Jadi tidak perlu menvalahkan sesiapa.

Masa depan anak bekas tentera mesti seiring dengan orang lain, sekali gus bangga menjadi anak tentera



TENGU ARIFF BENDAHARA

negeri lain saya kurang pasti. Memang betul orang nak tolong kita, tetapi macam mana. Kita janganlah terlalu yakin supaya tidak mengulangi apa yang sudah berlaku dulu.

BH: Apakah wawasan Tengku sekiranya memenangi pertandingan ini?

TAB: Yang penting meletakkan organisasi di tempat yang sebetulnya. Kita akan susun semula perjalanan persatuan, pentadbiran, sistem kerja kerana itu yang penting. Kedua, oleh kerana kerajaan sudah memberi banyak bantuan kepada bekas tentera melalui Perhebat, kita akan berusaha mencari sumber kewangan lain dengan bergerak secara komersil. Itu yang penting kerana banyak aset dalam persatuan tidak digunakan sepenuhnya.

BH: Ini bermakna Tengku mahu mengubah budaya meminta-minta dalam persatuan?

ESOK, 140 perwakilan mewakili kira-kira 200,000 ahli Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) memilih pucuk pimpinan baru. Penyandang jawatan presiden, Datuk Muhammad Abdul Ghani, 54, yang menerajui persatuan sejak 1997, dicabar Yang Dipertua PBTM Pahang, Tengku Arif Bendahara Pahang, Tengku Abdullah Sultan Abu Bakar, 60. Wartawan Berita Harian, FAZLI ABDULLAH, mewawancara pemimpin itu untuk mendapatkan pandangan mereka mengenai pemilihan, hasrat dan wawasan masing-masing.

mereka tidak meneruskan apabila tamat latihan. Kenapa kita tidak mengambil kesempatan daripada kerajaan sediakan seperti Hotel Seri Malaysia. Ini adalah antara kemungkinan yang boleh dilakukan. Bagaimanapun, setakat ini persatuan belum mengemukakan cadangan untuk menguruskan hotel itu kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Begitu juga dengan tawaran tender Kementerian Pertahanan yang tidak digunakan sepenuhnya persatuan. Sesungguhnya, ada benda yang kita boleh buat dan ada yang tidak boleh buat. Kalau tidak boleh buat, kita perlu menjalankan usahasama dengan mereka yang ada kemahiran dan ini membolehkan kita belajar lebih cepat.

BH: Adakah Tengku tidak puas hati dengan perjalanan dan kedudukan bekas tentera?